

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR  
[KULIM BANDAR BAHARU]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017**

**SOALAN : 11**

**YB Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

(a) adakah Kementerian mengkaji semula isu tiada kenaikan pangkat walaupun telah berkhidmat lebih 10 tahun menjadi punca ramai doktor pakar meletak jawatan di hospital Kerajaan serta kes doktor yang terpaksa bekerja melebihi masa sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan akibat kepenatan; dan

(b) apakah Kementerian mempunyai satu pelan kerjasama antara hospital Kerajaan dan swasta dengan menawarkan kepada doktor pakar hospital swasta untuk memberi khidmat di hospital Kerajaan dalam tempoh masa tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat secara *time based* kepada skim perkhidmatan Pegawai Perubatan telah dimulakan pada 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan pula, pegawai perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun boleh dipertimbangkan terus ke Gred UD54.

Mulai 1 Januari 2017, kerajaan juga telah menambah baik kaedah kenaikan pangkat Pakar Perubatan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Faktor kerja lebih masa bukanlah merupakan salah satu faktor penyebab berlakunya kemalangan akibat kepenatan dikalangan Pegawai Perubatan.

KKM akan terus mengambil langkah-langkah proaktif bagi menambahbaik kebajikan dan keselamatan anggota KKM dari semasa ke semasa seperti:

- i. menubuhkan satu jawatankuasa dalaman bagi membincangkan langkah-langkah menangani isu ini iaitu dengan mewujudkan pasukan khas yang terdiri dari pelbagai pakar teknikal yang

berkaitan bagi menyiasat kes-kes kemalangan di kalangan anggota kesihatan khususnya kes yang melibatkan kematian selepas menjalankan tugas di luar waktu Pejabat.

- ii. KKM juga bergandingan dengan agensi-agensi berkaitan, contohnya seperti MIROS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) berkenaan dengan kajian dan penyiasatan lanjut berkenaan isu ini.
- iii. Memantapkan Tatacara Pelaksanaan Tugas Atas Panggilan yang terbaru menerusi Surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) bertarikh 15 September 2016. Pegawai Perubatan dibenarkan berehat atau / *time off* setelah menyelesaikan tugas-tugas di wad atau prosedur yang diperlukan pesakit bagi memastikan kesinambungan dalam rawatan pesakit.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Pakar swasta boleh berkhidmat secara *Sessional* di hospital-hospital KKM pada kadar RM100 sejam bagi perkhidmatan perubatan dan RM120 sejam bagi perkhidmatan pembedahan atau secara *Honorarium* dengan bayaran RM 3,000 setahun.

Satu garispanduan bagi memberi penjelasan mengenai perkara ini melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2001 iaitu Garis Panduan Pengambilan Pakar Swasta Untuk Berkhidmat Di Hospital-Hospital Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 12**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan dengan kebanjiran motosikal elektrik yang masuk ke negara ini, adakah pihak Kerajaan telah memberikan kebenaran untuk penggunaannya di atas jalan raya utama.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987, setiap model baru kenderaan motor perlu menjalani prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ bagi memastikan pembinaan dan penggunaan kenderaan tersebut telah mematuhi ketetapan di bawah Kaedah Pengangkutan Jalan sebelum boleh didaftar dan dibenarkan di atas jalan raya. Keperluan ini turut terpakai kepada kenderaan elektrik sama ada kereta elektrik maupun motosikal elektrik.

Merujuk kepada Seksyen 2, Akta Pengangkutan Jalan 1987 menyatakan bahawa kenderaan motor elektrik ditafsirkan sebagai mana – mana kenderaan motor yang dipacu oleh sumber elektrik dan tidak termasuk basikal elektrik. Oleh itu, setiap kenderaan elektrik tersebut adalah wajib memenuhi ketetapan seperti berikut:-

- a) Mempunyai nombor siri dan nombor casis yang terang & jelas;
- b) Mempunyai kelajuan maksimum melebihi 50km/j;
- c) Memiliki kebolehan mendaki melebihi gradient 20%;
- d) Spesifikasi bateri dan sistem pendawaian elektrik yang digunakan hendaklah mempunyai perakuan oleh badan kompeten;
- e) Mematuhi kepada Peraturan *United Nations (UN) R100 : Battery Electric Vehicles*; dan
- f) Bagi motosikal elektrik, ia perlu mematuhi kepada standard MS 2413.

Sehubungan dengan itu, penggunaan motosikal elektrik di atas jalanraya sememangnya adalah dibenarkan sekiranya spesifikasi pembinaan dan

penggunaan motosikal tersebut telah mematuhi setiap ketetapan seperti para di atas melalui proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 13**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memberikan lebih banyak lagi peruntukan untuk membina baru dan menaik taraf jalan-jalan kecil / jalan kampung terutama di Sarawak.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kementerian bagi tujuan membina baru dan menaik taraf jalan-jalan kecil / jalan kampung di bawah Projek Jalan Kampung (PJK) adalah tertakluk kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).